

PETIKAN AKHBAR

Bayaran BPN 2.0 sebanyak RM2.38 bilion dibuat mulai 21 Januari – Tengku Zafrul

PETIKAN AKHBAR | 13 JANUARI 2021



KUALA LUMPUR, 13 Jan – Kementerian Kewangan akan mempercepatkan bayaran Fasa Kedua Bantuan Prihatin Nasional (BPN 2.0) berjumlah RM2.38 bilion kepada 11.06 juta penerima merangkumi 10.6 juta penerima sedia ada serta kira-kira 460,000 penerima baharu, mulai 21 Januari ini.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata ini susulan pengumuman pelbagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 11 Januari lepas.

Dalam kenyataan hari ini, beliau berkata semakan kelulusan itu boleh dibuat mulai 15 Jan, 2021 di portal rasmi BPN iaitu bpn.hasil.gov.my.

“Bayaran bagi penerima B40 dan M40 akan terus dikreditkan ke dalam akaun bank masing-masing mulai 21 Januari dan 25 Januari ini.

“Bagi penerima tanpa akaun bank, tarikh pembayaran akan bermula pada 25 Januari melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) yang mana pihak BSN akan mengeluarkan panduan prosedur operasi standard (SOP)

English     

sehingga 1 April, 2021 di lokasi-lokasi yang akan diumumkan pada akhir Januari," kata beliau.

Permohonan penerima baharu tersebut telah diluluskan sewaktu tempoh permohonan/rayuan dibuka pada 15 Oktober hingga 15 November lepas.

BPN 2.0 merupakan sebahagian daripada Kerangka Inisiatif Tambahan, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan pada 23 September lepas.

Inisiatif BPN 2.0 itu disalurkan menerusi dua fasa pembayaran pada Oktober 2020 dan Januari 2021.

Menjelaskan selanjutnya, Tengku Zafrul berkata secara keseluruhannya, jumlah penerima BPN 2.0 merangkumi seramai 11.06 juta penerima iaitu 5.82 juta individu bujang dan 5.24 juta penerima isi rumah dengan jumlah bayaran/peruntukan sebanyak RM7.18 bilion, setakat ini.

"Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bantuan yang diperuntukkan sampai kepada mereka yang disasarkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat," kata beliau.

[Bernama](#)[Bantuan Prihatin Nasional](#)[BPN](#)[Siaran Media](#)[Koleksi Ucapan](#)[Petikan Akhbar](#)[Foto](#)[Video](#)[Pengumuman](#)[Laporan LAKSANA](#)[Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)[TENGKU ZAFRUL](#)[BAJET 2022](#)[COVID-19](#)[LAPORAN LAKSANA](#)[TMK 1](#)[KELUARGA MALAYSIA](#)[PENJANA](#)[PRIHATIN](#)[TEAM MOF](#)[PRICE OF PETROLEUM](#)[HARGA MINYAK](#)